

**Peneroka Felda Diingatkan Jangan Terpedaya Dengan Janji Pembangkang - Ahmad Maslan Bernama  
13 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) diingatkan supaya tidak terpedaya dengan janji pakatan pembangkang untuk menghapuskan Felda Plantations yang berkeluasan kira-kira 341,000 hektar dan mengagih-agihkan kepada mereka yang layak menerimanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata rancangan pengagihan tanah Felda Plantations itu tidak berasaskan fakta dan ia merupakan sebahagian daripada agenda Buku Jingga pembangkang sekiranya menang dalam pilihan raya umum ke-13.

Menurutnya Felda Plantations menyewakan tanah berkenaan kepada Felda Global Ventures Sdn Bhd (FGVH) dan tidak memiliki tanah tersebut.

"Tindakan Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) melancarkan borang pemilikan tanah Felda Plantations kepada peneroka tahun lepas adalah salah kerana sekiranya diteruskan juga, sebagai contoh, apa akan jadi kepada sejumlah 100,000 hektar daripada 341,000 hektar tanah di Sabah? Jumlah peneroka di Sabah hanya 1,600 orang, sudah pasti ia akan menyebabkan mereka marah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penerangan mengenai isu penyenaian FGVH di pasaran utama Bursa Malaysia dengan lebih 1,300 orang pemimpin rancangan Felda dari 317 tanah rancangan seluruh negara di ibu pejabat Felda di sini, Isnin.

Turut hadir Pengarah Besar Felda Datuk Suhaimi Zainuddin.

Sebenarnya tanah tersebut bukan milik golongan peneroka dan pembangkang telah memutarbelitkan fakta untuk mendapat sokongan mereka dan seterusnya mahu peneroka membantah sebarang usaha untuk menambahbaik Felda termasuk penyenaian FGVH di pasaran utama Bursa Malaysia, katanya.

Ahmad berkata segala hasil pendapatan dan bajet tahunan datang daripada tanah Felda Plantations itu akan dikembalikan kepada peneroka dan anak peneroka, termasuk pembayaran gaji pekerja Felda dan pekerja ladang.

Sehubungan itu, beliau akan turun padang dan berjumpa dengan peneroka Felda di seluruh negara untuk memberi penjelasan mengenai isu status tanah Felda Plantations itu yang dimainkan oleh pembangkang, katanya.

"Pembangkang suka memutarbelitkan isu, terbaru ialah bantahan terhadap penyenaian FGVH di pasaran utama Bursa Malaysia yang didakwa merugikan.

"Penyenaian itu bertujuan memantapkan lagi organisasi Felda serta meluaskan ruang perniagaan bersama rakan kongsi niaga antarabangsa menerusi pengkomersialan

produk-produk hiliran hasil keluaran Felda," katanya.

Mengenai sesi penjelasan dan soal jawab dengan pemimpin rancangan Felda hari ini, beliau berkata ia paling komprehensif dan lebih meyakinkan kerana fakta lengkap dan terperinci.

Ditanya mengenai dakwaan Anak bahawa kira-kira 23,000 kakitangan Felda membantah penyenaian tersebut, beliau berkata sekiranya perlu pihaknya akan menganjurkan sesi dialog dengan kakitangan Felda untuk menjelaskan perkara itu, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645353>